



رئاسة الشؤون الدينية
بالمسجد الحرام والمسجد النبوي

PANDUAN UMRAH

Bersama Doa-Doa Pilihan

Penerbitan Untuk Para
Tetamu Dua Tanah Suci

مكتوب فاصلا للحج والعمرة
مكتوب فاصلا للحج والعمرة





PANDUAN UMRAH

Bersama Doa-Doa Pilihan

Penerbitan Untuk Para
Tetamu Dua Tanah Suci

مَطْبُوعَاتُ فَاصِلَاتِ الْحَرَامَيْنِ الشَّرِيفَيْنِ

ح رئاسة الشؤون الدينية بالمسجد الحرام والمسجد النبوي، ١٤٤٦هـ

رئاسة الشؤون الدينية بالمسجد الحرام والمسجد النبوي

صفة العمرة باللغة الملاوية،/رئاسة الشؤون الدينية بالمسجد الحرام والمسجد

النبوي - ط ١ - . - مكة المكرمة، ١٤٤٦هـ

٣٧ ص، ١٤ × ٢١ سم

رقم الإيداع: ١٤٤٦/١٤١٦٣

ردمك: ٩٧٨-٦٠٣-٨٥٠٦-٥٩-٢



Penerbitan Qasid al-Haramain al-Sharifain

Cetakan Pertama

٢٠٢٥هـ/٢٠٢٥م



Mukadimah Jabatan

Segala puji hanya bagi Allah, selawat dan salam kepada Rasul-Nya, kepada keluarga baginda, para sahabat, dan sesiapa sahaja yang mengikuti jalan Baginda. Amma ba'du,

Allah SWT telah menjadikan Kaabah sebagai kiblat yang menghimpunkan hati dan jasad kaum Muslimin, sebagai petunjuk bagi seluruh alam, dan sebagai tanah suci yang memberikan keamanan. Menghormati dan mengagungkan tempat ini akan membawa kebaikan kepada kehidupan dan akhirat manusia.

Setiap tahun, berjuta-juta umat Islam datang ke Tanah Suci membawa harapan, perasaan, dan doa mereka. Bersama itu, mereka juga membawa persoalan-persoalan tentang kewajipan agama, ibadah, dan muamalat mereka.

Atas dasar ini, mengagungkan Masjidil Haram, memuliakan penduduknya serta menyambut para pengunjungnya adalah tanggungjawab yang besar dan mulia. Pihak "**Jabatan Hal Ehwal Agama di Masjidil Haram dan Masjid Nabawi**" telah diberi penghormatan untuk memikul amanah ini dan melaksanakannya dengan sebaik-baiknya.

Projek "**Penerbitan Untuk Para Tetamu Dua Tanah Suci**" adalah ekspresi tulus daripada penduduk Tanah Suci yang diberkati dan mereka yang bertugas di Masjidil Haram.

Ia merupakan hadiah berharga yang boleh dibawa pulang oleh setiap pengunjung sebagai kenangan berharga.

Pihak "**Jabatan Hal Ehwal Agama di Masjidil Haram dan Masjid Nabawi**" mempersembahkan buku panduan ini kepada para jemaah sebagai rujukan praktikal. Buku ini menerangkan tata cara melaksanakan ibadah umrah, termasuk rukun, wajib, dan sunatnya, serta larangan-larangan ihram. Ia turut memuatkan doa-doa pilihan yang dapat diamalkan oleh jemaah sepanjang ibadah mereka. Adalah menjadi harapan kami agar para jemaah memperdalamkan pemahaman agama mereka, bersyukur kepada Allah SWT yang telah mempermudah perjalanan mereka untuk mengunjungi Rumah-Nya yang agung, dan melaksanakan ibadah dengan penuh ketenangan dan kemudahan.

Semoga Allah menerima amalan kami dan kalian sebagai amalan yang soleh. Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam kepada Nabi Muhammad, keluarganya, dan para sahabatnya.

**Jabatan Hal Ehwal Agama di Masjidil Haram dan
Masjid Nabawi**



Mukadimah

Segala puji bagi Allah, kami memuji-Nya, memohon pertolongan-Nya, memohon keampunan-Nya, dan berlindung kepada Allah daripada kejahatan diri kami dan keburukan amalan kami. Sesiapa yang diberi petunjuk oleh Allah, maka tiada sesiapa yang dapat menyesatkannya, dan sesiapa yang disesatkan oleh Allah, maka tiada sesiapa yang dapat memberikannya petunjuk. Aku bersaksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah, yang Esa, tiada sekutu bagi-Nya, dan aku bersaksi bahawa Muhammad adalah hamba dan utusan-Nya SAW. Amma ba'du:

Sebagai usaha oleh “Jabatan Hal Ehwal Agama di Masjidil Haram dan Masjid Nabawi” untuk memperkayakan pengalaman jemaah, dan sebagai kerjasama dalam kebaikan dan ketakwaan serta penyebaran ilmu, jabatan ini berusaha menerbitkan buku kecil ini. Ia bertujuan menjadi panduan kepada para pengunjung dan jemaah umrah untuk melaksanakan ibadah mereka berdasarkan dalil-dalil al-Quran, sunnah, serta pandangan ulama. Buku ini bersaiz kecil tetapi sangat bermanfaat dalam memberikan penerangan mengenai kaifiyat umrah dan hukum-hukumnya. Oleh kerana ibadah umrah disyariatkan sepanjang tahun, maka keperluan untuk mengetahui hukum-hukum dan kaifiyatnya adalah

keperluan yang berterusan dan sentiasa relevan, berbeza dengan ibadah haji yang mempunyai masa tertentu. Buku ini dimulakan dengan penjelasan kaifiyat umrah, diikuti doa-doa yang diambil daripada al-Quran dan hadis-hadis sahih.

Kami memohon kepada Allah agar memberkati usaha ini, menjadikannya ikhlas kerana-Nya, dan memberi manfaat kepada hamba-hamba-Nya yang beriman. Selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad.



Mawaqit dan Ihram

Mawaqit adalah tempat-tempat yang wajib diambil niat ihram bagi mereka yang ingin menunaikan umrah.

Menurut sunnah, terdapat lima lokasi mawaqit yang ditetapkan, dan sesiapa yang melintasi tempat-tempat ini dengan niat untuk menunaikan umrah tidak boleh melaluinya tanpa berihram:

Dzul Hulaifah: Kini dikenali sebagai *Abyar Ali*, ia merupakan miqat bagi penduduk Madinah dan sesiapa sahaja yang melaluinya. Jaraknya kira-kira 420 km dari Mekah.

Juhfah: Sebuah perkampungan berhampiran Rabigh, ia merupakan miqat bagi penduduk Syam, Mesir, Maghribi, dan sesiapa sahaja yang melaluinya. Jaraknya kira-kira 186 km dari Mekah, dan ramai orang berihram dari Rabigh.

Qarnul Manazil: Kini dikenali sebagai *As-Sail al-Kabir*, ia merupakan miqat bagi penduduk Najd, Taif, dan sesiapa sahaja yang melaluinya. Jaraknya kira-kira 78 km dari Mekah. Di kawasan ini terdapat Wadi Mahram, yang merupakan bahagian atas Qarnul Manazil melalui laluan Hada, dengan jarak kira-kira 75 km dari Mekah.

Yalamlam: Miqat ini adalah untuk penduduk Yaman dan sesiapa sahaja yang melaluinya. Jaraknya kira-kira 120 km dari Mekah.

Dzatu 'Irq: Juga dikenali sebagai Ad-Dharibah, ia merupakan miqat bagi penduduk Iraq dan sesiapa sahaja yang melaluinya. Jaraknya kira-kira 100 km dari Mekah.

Bagi mereka yang tinggal di kawasan antara mawaqit ini dan Mekah, mereka hendaklah berihram dari rumah mereka sendiri. Namun, bagi penduduk Mekah, mereka mesti keluar ke tanah halal untuk mengambil niat ihram bagi umrah, manakala untuk haji, mereka boleh berihram dari rumah atau tempat tinggal mereka di Mekah.



Peringatan

Bagi mereka yang datang melalui udara dengan niat untuk menunaikan haji atau umrah, mereka mesti berihram di dalam pesawat ketika melintasi salah satu mawaqit. Tidak dibenarkan menangguhkan niat ihram sehingga tiba di Lapangan Terbang Jeddah kerana Jeddah bukanlah miqat kecuali bagi penduduknya.

Jika seseorang tidak membawa pakaian ihram semasa berada di dalam pesawat, dia boleh mengekalkan seluar panjangnya, menanggalkan pakaian atas, dan menggunakan kain itu untuk menutup bahu dan dadanya sambil berniat ihram. Setelah tiba di lapangan terbang dan mendapatkan pakaian ihram, dia boleh menukarnya dan menanggalkan seluar panjangnya.

Bagi wanita, tidak ada pakaian khusus untuk ihram. Mereka boleh berihram dengan pakaian mereka, tetapi jika memakai burqa, niqab, atau sarung tangan, mereka perlu menanggalkannya dan menutup wajah mereka dengan kain tudung jika terdapat lelaki bukan mahram.



Rukun Umrah, Wajib Umrah, dan Sunat Umrah

Rukun Umrah:

1. Niat memasuki ibadah umrah, iaitu ihram.
 2. Tawaf di Kaabah.
 3. Sa'i antara Safa dan Marwah.
- Sesiapa yang meninggalkan salah satu rukun umrah, maka umrahnya tidak sah sehingga dia melaksanakannya dengan kaifiyat yang ditetapkan syarak.

Wajib Umrah:

- Memulai ihram dari miqat bagi mereka yang melaluinya. Bagi mereka yang tinggal dalam kawasan miqat, ihramnya bermula dari tempat asalnya, manakala penduduk Makkah perlu keluar ke kawasan halal untuk memulai ihram.
- Bercukur atau memendekkan rambut.
- Sesiapa yang meninggalkan salah satu wajib umrah secara sengaja, dia berdosa dan dikenakan fidyah. Jika tidak sengaja, dia hanya perlu membayar fidyah tanpa berdosa.

Sunat Umrah:

- Semua amalan selain rukun dan wajib umrah adalah

sunat, seperti menampakkan bahu kanan (al-*idtiba'*) dan berjalan cepat dalam tawaf (ar-*raml*).

- Sesiapa yang meninggalkan amalan sunat tidak berdosa, tetapi dia kehilangan keutamaan pahala.



Larangan Ihram

Larangan ihram dibahagikan kepada tiga kategori:

1. Larangan yang dikenakan kepada lelaki dan wanita:

1. Tidak dibenarkan bagi orang yang berihram, setelah berniat ihram, untuk memotong rambut atau kukunya.
2. Dilarang menggunakan sebarang jenis wangian.
3. Tidak dibenarkan memakai sarung tangan.
4. Orang yang berihram tidak boleh meminang atau mengadakan akad nikah untuk dirinya sendiri atau untuk orang lain.
5. Diharamkan melakukan hubungan kelamin atau apa-apa tindakan yang membawanya.
6. Tidak boleh memburu binatang liar, sama ada dengan membunuh, menakutkan, atau membantu perburuan selama dalam keadaan ihram.

2. Larangan khusus bagi lelaki:

1. Tidak dibenarkan memakai pakaian berjahit mengikut bentuk tubuh.
2. Tidak boleh menutup kepala dengan sesuatu yang bersentuhan, seperti serban dan seumpamanya.

3. Larangan khusus bagi wanita:

1. Tidak dibenarkan menutup muka dengan burqa, niqab, atau yang seumpamanya. Namun, wanita perlu menutup muka mereka dengan khimar atau kain lain daripada dilihat lelaki yang bukan mahram.

Hukum bagi mereka yang melanggar larangan ihram:

- Jika larangan dilakukan kerana kejahilan, lupa, atau paksaan, tiada dosa atau fidyah dikenakan.
- Jika dilakukan kerana keperluan, ia dibolehkan tetapi wajib membayar fidyah.
- Jika dilakukan tanpa alasan atau keperluan, ia adalah berdosa dan wajib membayar fidyah.



Jenis Larangan Ihram Berdasarkan Fidyah

1. Larangan seperti memotong rambut, kuku, menggunakan wangian, memakai sarung tangan, lelaki memakai pakaian berjahit, menutup kepala, wanita memakai niqab, atau bersentuhan dengan syahwat. Bagi setiap larangan ini, seseorang diberi tiga pilihan:
 - a. Berpuasa selama tiga hari berturut-turut atau berasingan, atau.
 - b. Memberi makan enam orang miskin, dengan setiap seorang menerima setengah sa' makanan seperti kurma, beras, atau yang seumpamanya, atau;
 - c. Menyembelih seekor kambing, yang kemudiannya diagihkan kepada orang miskin di Tanah Haram.
2. Meninggalkan kewajiban umrah, seperti tidak berihram dari miqat: Wajib menyembelih fidyah berupa haiwan korban yang sah untuk qurban (kambing atau biri-biri, jantan atau betina), dan semua dagingnya mesti diagihkan kepada fakir miskin di Tanah Haram tanpa memakan sedikit pun daripadanya.
3. Fidyah bagi hubungan kelamin: Jika hubungan kelamin dilakukan sebelum sa'i, umrahnya menjadi batal. Wajib menyelesaikan ibadah tersebut, kemudian menggantinya, serta menyembelih fidyah. Jika tidak mampu, dia perlu berpuasa selama sepuluh hari.

Jika hubungan kelamin dilakukan selepas sa'i tetapi sebelum bercukur atau memendekkan rambut, umrahnya tidak batal. Namun, tetap diwajibkan menyembelih fidyah. Jika tidak mampu, dia perlu berpuasa sepuluh hari.

4. Hukuman bagi memburu binatang liar, terdapat dua keadaan:

- Jika binatang itu mempunyai padanan daripada binatang ternakan, dia mempunyai 3 pilihan:

- a. Menyembelih padanan tersebut dan membahagikan dagingnya kepada fakir miskin di Tanah Haram, atau;

- b. Menilai harga padanan itu dan menggunakan jumlah tersebut untuk membeli makanan yang akan diagihkan kepada fakir miskin, setiap fakir menerima setengah sa', atau;

- c. Berpuasa sebanyak hari yang bersamaan dengan bilangan fakir miskin yang sepatutnya diberi makan.

- Jika binatang itu tiada padanan, seperti belalang dia mempunyai 2 pilihan:

- a. Menilai harga binatang tersebut dan mengeluarkan makanan yang sama nilai untuk diagihkan kepada fakir miskin, setiap fakir menerima setengah sa', atau;

- b. Berpuasa sebanyak hari yang bersamaan dengan bilangan fakir miskin yang sepatutnya diberi makan.

Sifat Umrah

Ketibaan Jemaah Umrah di Miqat:

- Disunatkan untuk mandi (ghusl) dan memakai wangian sebelum berihram.
- Lelaki memakai kain ihram berupa kain sarung dan kain selendang, disunatkan berwarna putih dan bersih.
- Wanita boleh memakai apa sahaja pakaian yang menutup aurat, tetapi tidak dibenarkan memakai niqab atau sarung tangan.
- Berniat dalam hati untuk memasuki ibadah umrah, dan disunatkan melafazkan niat dengan mengatakan: “Labbaika ‘umrah” atau “Allahumma labbaika ‘umrah”.
- Jika seorang yang berihram bimbang bahawa dia tidak dapat menyempurnakan ibadahnya – sama ada disebabkan sakit, takut kepada musuh, atau halangan lain – maka disunatkan baginya untuk mengucapkan ketika berniat ihram: "Jika aku dihalang oleh sesuatu, maka tempat tahallulku adalah di tempat Engkau menahanku." Faedah syarat ini ialah jika sesuatu berlaku yang menghalangnya daripada menyelesaikan ibadahnya – seperti sakit atau ancaman musuh – dia dibenarkan untuk bertahallul tanpa dikenakan sebarang denda atau kewajipan tambahan.
- Disunatkan memperbanyak talbiyah dan mengeraskannya sepanjang perjalanan ke Mekah.

Amalan Jemaah Ketika Memasuki Masjidil Haram:

- Apabila tiba di Masjidil Haram, disunatkan masuk dengan mendahulukan kaki kanan sambil membaca: “Bismillah, wassalatu wassalamu ‘ala Rasulillah” (diriwayatkan oleh Ibn Majah), “A‘udzu billahil ‘azhim, wabiwajhihil karim, wasulthanihil qadim, minasy-syaitonir-rajim” (diriwayatkan oleh Abu Dawud), dan “Allahummaftah li abwaba rahmatik” (diriwayatkan oleh Muslim).
- Bergerak ke Hajar Aswad untuk memulakan tawaf. Jika boleh, menyentuh Hajar Aswad dengan tangan kanan dan menciumnya. Jika tidak dapat menyentuhnya, cium tangan selepas menyentuh Hajar Aswad dengan tangan. Jika tidak dapat menyentuh Hajar Aswad langsung, menghadap ke arahnya, memberi isyarat dengan tangan, dan mengucapkan takbir tanpa mencium tangan. Elakkan berasak-asak sehingga mencederakan diri sendiri atau orang lain.
- Bacaan ketika menyentuh Hajar Aswad: “Bismillah, Allahu Akbar”.
- Memulakan tawaf dengan bergerak ke kanan dan memastikan Kaabah berada di sebelah kiri. Apabila tiba di Rukun Yamani, disunatkan menyentuhnya tanpa mencium, memberi isyarat, atau mengucapkan takbir. Tidak perlu berasak-asak untuk menyentuhnya. Di antara Rukun Yamani dan Hajar Aswad, bacalah doa yang diajarkan oleh Rasulullah SAW:

"Rabbana atina fid-dunya hasanatan wa fil-akhirati hasanatan waqina 'adhaban-nar" (Al-Baqarah: 201).

- Idtiba' (menampakkan bahu kanan): Dilakukan sepanjang tawaf, iaitu dengan membuka bahu kanan. Selepas selesai tawaf, bahu ditutup semula.
- Ramal (berjalan cepat): Dilakukan pada tiga pusingan pertama tawaf dengan langkah cepat dan pendek.
- Setelah menyelesaikan tujuh pusingan tawaf, hendaklah pergi ke Maqam Ibrahim jika boleh. Di sini, disunatkan solat dua rakaat: Rakaat pertama: Surah Al-Fatihah dan Surah Al-Kafirun. Rakaat kedua: Surah Al-Fatihah dan Surah Al-Ikhlâs.
- Kemudian, apabila selesai menunaikan solat, disunatkan untuk meminum air Zamzam jika berkesempatan, kemudian pergi ke Hajar Aswad dan menyentuhnya jika mampu.
- Setelah itu, menuju ke Bukit Safa. Apabila hampir dengannya, bacalah ayat: "Sesungguhnya Safa dan Marwah itu sebahagian daripada syiar Allah. Maka sesiapa yang mengerjakan haji ke Baitullah atau melakukan umrah, maka tidak ada dosa baginya untuk melakukan sa'i antara kedua-duanya. Dan sesiapa yang melakukan kebaikan secara sukarela, maka sesungguhnya Allah Maha Mensyukuri, lagi Maha Mengetahui." (Surah Al-Baqarah: 158). Ayat ini dibaca hanya apabila mendekati Bukit Safa sebelum menaikinya, dan hanya

pada permulaan pusingan pertama sahaja. Ia tidak diulang pada setiap pusingan.

- Seterusnya, naiklah ke Bukit Safa sehingga kelihatan Kaabah. Hadapkan tubuh ke arah Kaabah, sebut "Allahu Akbar", angkat kedua-dua tangan, pujilah Allah, dan berdoalah. Sebagaimana yang diriwayatkan daripada Nabi ﷺ, bacalah: "Tiada Tuhan melainkan Allah yang Esa, tiada sekutu bagi-Nya. Milik-Nya kerajaan, milik-Nya segala pujian, dan Dia Maha Berkuasa atas segala sesuatu. Tiada Tuhan melainkan Allah yang Esa. Dia telah menunaikan janji-Nya, memberikan kemenangan kepada hamba-Nya, dan menghancurkan pasukan musuh secara bersendirian." Zikir ini diulangi sebanyak tiga kali, dengan berdoa di antara ulangan tersebut mengikut hajat yang diinginkan.
- Setelah itu, turunlah dari Safa menuju ke Bukit Marwah sambil berjalan seperti biasa. Sepanjang perjalanan, sebutlah zikir dan doalah untuk diri sendiri, keluarga, dan sesiapa yang disayangi. Apabila sampai di kawasan lampu hijau pertama, mulakan larian kecil sehingga sampai ke lampu hijau kedua. Selepas itu, teruskan berjalan secara biasa sehingga sampai ke Bukit Marwah. Apabila tiba di puncaknya, hadapkan tubuh ke arah Kaabah, dan bacalah doa serta zikir seperti yang dilakukan di Bukit Safa.
- Melakukan sa'i sebanyak tujuh kali, dari Bukit Safa ke Bukit Marwah dikira satu pusingan, dan dari Bukit

Marwah kembali ke Bukit Safa dikira sebagai pusingan kedua. Apabila tiba di antara dua tanda lampu hijau, berlari kecil dengan tidak menyakiti atau mengganggu orang lain di sekitarnya. Teruskan dengan cara ini sehingga genap tujuh pusingan.

- Kemudian, jemaah lelaki mencukur rambut kepalanya atau memendekkannya, manakala wanita mengumpulkan rambutnya dan memotongnya sebanyak satu ruas jari.
- Dengan amalan-amalan ini, ibadah umrah telah sempurna, dan segala perkara yang diharamkan semasa ihram menjadi halal semula.

Semoga selawat dan salam sentiasa tercurah kepada Nabi kita Muhammad, serta kepada keluarga dan seluruh sahabat baginda.



Doa-Doa Pilihan

Ya Allah, segala puji hanya milik-Mu, pujian yang banyak, baik, dan penuh keberkatan sebagaimana Engkau sukai dan redhai. Pujian yang tidak pernah putus, tidak habis, dan tidak lenyap, seluas langit-Mu, seluas bumi-Mu, dan seluas apa sahaja yang Engkau kehendaki setelahnya. Sebanyak jumlah mereka yang memuji-Mu dan sebanyak jumlah mereka yang lalai dari mengingat-Mu. Selawat dan salam ke atas hamba dan utusan-Mu, Muhammad, penutup para nabi dan rasul, pilihan-Mu daripada makhluk-Mu, penjaga wahyu-Mu, juga ke atas keluarga dan para sahabat Baginda.

Ya Allah, segala puji hanya milik-Mu. Engkaulah cahaya langit dan bumi serta segala isinya. Segala puji hanya milik-Mu. Engkaulah yang mengatur langit dan bumi serta segala isinya. Segala puji hanya milik-Mu. Engkaulah Yang Haq, janji-Mu benar, firman-Mu benar, pertemuan dengan-Mu benar, syurga itu benar, neraka itu benar, kiamat itu benar, para nabi itu benar, dan Muhammad SAW adalah benar.

Ya Allah, kepada-Mu aku berserah, kepada-Mu aku bertawakal, kepada-Mu aku beriman, kepada-Mu aku kembali, kepada-Mu aku berhujah, dan kepada-Mu aku meminta keadilan. Ampunilah aku atas apa yang telah aku lakukan dan yang aku tangguhkan, yang aku

sembunyikan dan yang aku nyatakan. Engkaulah yang mendahulukan dan yang mengakhirkan. Tiada tuhan selain Engkau. Tiada daya dan kekuatan kecuali dengan Allah Yang Maha Tinggi lagi Maha Agung.

Ya Allah, berikanlah kepada jiwa ketakwaannya, sucikanlah ia kerana Engkau adalah sebaik-baik yang menyucikan, Engkau adalah pelindungnya dan pemimpinnya.

Ya Allah, aku berlindung kepada-Mu dari ilmu yang tidak bermanfaat, dari hati yang tidak khusyuk, dari jiwa yang tidak pernah puas, dan dari doa yang tidak dikabulkan.

Ya Allah, aku memohon kepada-Mu kerana segala pujian hanya milik-Mu. Tiada tuhan selain Engkau, pencipta langit dan bumi, wahai Pemilik Keagungan dan Kemuliaan, wahai Yang Maha Hidup dan Maha Mengurus, ampunilah aku, rahmatilah aku. Jika Engkau hendak menimpakan fitnah kepada satu kaum, maka wafatkanlah aku sebelum aku terkena fitnah tersebut dalam keadaan selamat.

Wahai Tuhan kami, berikanlah kepada kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami dari azab neraka.

Wahai Tuhan kami, kami telah beriman, maka ampunilah kami dan rahmatilah kami. Engkau adalah sebaik-baik pemberi rahmat.

Wahai Tuhan kami, janganlah Engkau memesongkan hati kami setelah Engkau memberi petunjuk kepada kami,

dan kurniakanlah kepada kami rahmat dari sisi-Mu. Sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Pemberi (rahmat).

Wahai Tuhan kami, janganlah Engkau menghukum kami jika kami lupa atau tersalah. Wahai Tuhan kami, janganlah Engkau bebankan kepada kami bebanan yang berat sebagaimana Engkau bebankan kepada umat-umat sebelum kami. Wahai Tuhan kami, janganlah Engkau pikulkan kepada kami apa yang tidak mampu kami tanggung. Maafkanlah kami, ampunkanlah kami, dan rahmatilah kami. Engkau Penolong kami, maka tolonglah kami menghadapi kaum yang kafir.

Wahai Tuhanku, jadikanlah aku orang yang mendirikan solat dan juga zuriat keturunanku. Wahai Tuhan kami, perkenankanlah doaku. Wahai Tuhan kami, ampunilah aku, kedua ibu bapaku, dan semua orang yang beriman pada hari dihitungnya amalan.

Wahai Tuhan kami, kurniakanlah kepada kami daripada isteri-isteri dan zuriat kami penyejuk mata (penghibur hati), dan jadikanlah kami pemimpin bagi orang-orang yang bertakwa.

Wahai Tuhan kami, berikanlah rahmat kepada kami dari sisi-Mu, dan sempurnakanlah bagi kami petunjuk dalam urusan kami.

Wahai Tuhan kami, berikanlah kepada kami apa yang telah Engkau janjikan melalui rasul-rasul-Mu, dan janganlah Engkau hinakan kami pada hari kiamat. Sesungguhnya Engkau tidak pernah memungkiri janji.

Ya Allah, aku memohon kepada-Mu petunjuk, ketakwaan, penjagaan diri dari perkara haram, dan kekayaan hati.

Ya Allah, bahagikanlah untukku dari rasa takut kepada-Mu yang dapat menjadi penghalang antara diriku dengan maksiat kepada-Mu, dari ketaatan kepada-Mu yang dapat membawaku ke syurga-Mu, dan dari keyakinan yang membuat segala musibah dunia terasa ringan bagiku. Berikanlah aku kenikmatan pada pendengaranku, penglihatanku, dan kekuatanku selama aku masih hidup, dan jadikanlah ia kekuatan yang terus diwarisi selepasku. Balaslah orang yang menzalimiku, dan tolonglah aku menghadapi orang yang memusuhaniku. Jangan jadikan musibahku pada agamaku, jangan jadikan dunia ini sebagai tujuan utama dan puncak ilmuku, dan jangan jadikan neraka sebagai tempat kembaliku. Jadikanlah syurga sebagai tempat tinggalku, dan janganlah kerana dosaku Engkau kuasakan atas diriku orang yang tidak takut kepada-Mu dan tidak mengasihaniiku, dengan rahmat-Mu wahai Yang Maha Penyayang.

Ya Allah, aku berlindung kepada kemuliaan-Mu – tiada tuhan selain Engkau – agar Engkau tidak menyesatkanku. Engkau Maha Hidup, tidak mati, sedangkan jin dan manusia semuanya mati.

Ya Allah, Pencipta langit dan bumi, Yang Maha Mengetahui perkara ghaib dan nyata, tiada tuhan selain Engkau, Tuhan segala sesuatu dan Pemiliknya. Aku berlindung kepada-

Mu dari kejahatan diriku sendiri, dari kejahatan syaitan dan sekutunya, serta dari perbuatan buruk yang mungkin aku lakukan terhadap diriku atau aku seret kepada orang muslim.

Ya Allah, perbaikilah agamaku yang menjadi pelindung urusanku, perbaikilah duniaku yang menjadi tempat kehidupanku, dan perbaikilah akhiratku yang menjadi tempat kembaliku. Jadikanlah kehidupan ini sebagai tambahan bagiku dalam setiap kebaikan, dan jadikanlah kematian sebagai kerehatan bagiku daripada segala keburukan.

Ya Allah, aku memohon keselamatan di dunia dan akhirat. Ya Allah, aku memohon ampunan dan keselamatan dalam agamaku, duniaku, keluargaku, dan hartaku. Ya Allah, tutupilah keaibanku dan tenangkanlah kegelisahanku.

Ya Allah, lindungilah aku dari depan, belakang, kanan, kiri, dan atas. Aku berlindung kepada keagungan-Mu agar aku tidak diserang dari bawah.

Ya Allah, perbaikilah kesudahanku dalam segala urusanku, dan lindungilah aku dari kehinaan di dunia serta azab di akhirat.

Ya Allah, bantulah aku untuk mengingati-Mu, mensyukuri-Mu, dan beribadah kepada-Mu dengan baik.

Ya Allah, aku berlindung kepada-Mu dari lenyapnya nikmat-Mu, perubahan kesejahteraan-Mu, datangnya

hukuman-Mu secara tiba-tiba, dan segala kemurkaan-Mu.

Ya Allah, Engkau Maha Pengampun dan menyukai pengampunan, maka ampunilah aku.

Ya Allah, aku memohon kepada-Mu segala kebaikan, yang segera mahupun yang tertunda, yang aku ketahui mahupun yang aku tidak ketahui. Aku berlindung kepada-Mu dari segala kejahatan, yang segera mahupun yang tertunda, yang aku ketahui mahupun yang aku tidak ketahui.

Ya Allah, aku memohon kepada-Mu kebaikan yang dimohon oleh hamba dan nabi-Mu, Muhammad SAW, dan aku berlindung kepada-Mu dari kejahatan yang diminta dilindungi oleh hamba dan nabi-Mu, Muhammad SAW.

Ya Allah, aku memohon kepada-Mu syurga, serta apa sahaja yang dapat mendekatkan aku kepadanya, baik melalui ucapan atau perbuatan. Aku berlindung kepada-Mu dari neraka, serta apa sahaja yang dapat mendekatkan aku kepadanya, baik melalui ucapan atau perbuatan.

Ya Allah, aku memohon kepada-Mu hal-hal yang mendatangkan rahmat-Mu, usaha untuk mendapatkan keampunan-Mu, keuntungan dari setiap kebajikan, keselamatan dari setiap dosa, kemenangan dengan syurga, dan keselamatan dari neraka.

Ya Allah, jauhkanlah aku dari akhlak buruk, perbuatan buruk, hawa nafsu buruk, dan penyakit buruk.

Ya Allah, ampunilah semua dosaku, tunjukkan aku kepada akhlak yang terbaik, kerana tidak ada yang dapat menunjukkan aku kepadanya kecuali Engkau. Jauhkan aku dari akhlak yang buruk, kerana tiada yang dapat menjauhkannya dariku kecuali Engkau.

Ya Allah, aku memohon kepada-Mu rasa takut kepada-Mu dalam keadaan tersembunyi dan nyata. Aku memohon kepada-Mu ucapan yang benar pada waktu marah dan reda. Aku memohon kepada-Mu kesederhanaan dalam kekayaan dan kemiskinan. Aku memohon kepada-Mu nikmat yang tidak habis, kebahagiaan yang tidak pernah putus, keredaan setelah ketentuan-Mu, kesejukan hidup setelah mati, nikmat memandang wajah-Mu yang mulia, dan kerinduan untuk bertemu dengan-Mu, tanpa kesengsaraan yang memudaratkan atau fitnah yang menyesatkan.

Ya Allah, hiasilah kami dengan perhiasan iman. Jadikanlah kami orang yang memberi petunjuk dan mendapat petunjuk, tidak sesat dan tidak menyesatkan, cinta kepada wali-wali-Mu, dan memusuhi musuh-Mu, serta mencintai mereka yang mencintai-Mu dan memusuhi mereka yang memusuhi-Mu.

Ya Allah, pindahkanlah aku dari kehinaan maksiat kepada kemuliaan ketaatan. Cukupkanlah aku dengan rezeki halal-Mu dari yang haram, dengan ketaatan kepada-Mu dari kemaksiatan kepada-Mu, dan dengan

kemurahan-Mu dari selain-Mu. Wahai Yang Maha Hidup, Yang Maha Mengurus, wahai Pemilik Keagungan dan Kemuliaan.

Ya Allah, aku berlindung kepada-Mu daripada rasa cemas dan sedih, daripada kelemahan dan kemalasan, daripada sifat pengecut dan kedekut, daripada beban dosa dan hutang, serta dari kekuasaan orang lain yang menindasku.

Ya Allah, aku berlindung kepada-Mu daripada penyakit sopak, gila, kusta, dan segala penyakit yang buruk.

Ya Allah, Tuhan langit dan bumi, Tuhan Arasy yang agung, Tuhan kami dan Tuhan segala sesuatu, Pencipta biji benih dan butiran, Penurun Taurat, Injil, dan Al-Furqan. Aku berlindung kepada-Mu daripada kejahatan segala makhluk yang Engkau kuasai ubun-ubunnya.

Ya Allah, Engkaulah yang awal, tiada sesuatu pun sebelum-Mu. Engkaulah yang akhir, tiada sesuatu pun selepas-Mu. Engkaulah yang zahir, tiada sesuatu pun di atas-Mu. Engkaulah yang batin, tiada sesuatu pun di bawah-Mu. Lunaskanlah hutangku dan kayakanlah aku daripada kefakiran.

Ya Allah, Engkau adalah Tuhanku, tiada tuhan selain Engkau. Engkau telah menciptaku dan aku adalah hamba-Mu. Aku berada dalam perjanjian dan janji-Mu sejauh yang mampu aku lakukan. Aku berlindung kepada-Mu dari kejahatan apa yang telah aku lakukan. Aku mengakui nikmat-Mu ke atasku, dan aku mengakui

dosaku. Maka ampunilah aku, kerana tiada yang dapat mengampuni dosa kecuali Engkau.

Ya Allah, aku memohon kepada-Mu untuk melakukan kebaikan, meninggalkan keburukan, mencintai orang miskin, dan untuk Engkau mengampuniku, dan merahmatiku. Jika Engkau hendak menimpakan fitnah kepada hamba-hamba-Mu, maka wafatkanlah aku kepada-Mu dalam keadaan tidak terfitnah.

Ya Allah, aku berlindung kepada-Mu daripada ujian yang berat, kehinaan yang menyakitkan, takdir buruk, dan kegembiraan musuh atas penderitaanku.

Ya Allah, wahai yang membolak-balikkan hati, tetapkanlah hatiku pada agama-Mu. Ya Allah, wahai yang mengatur hati dan pandangan, arahkanlah hatiku kepada ketaatan kepada-Mu.

Ya Allah, jangan biarkan satu dosa pun yang tidak Engkau ampuni, tidak satu kegelisahan pun yang tidak Engkau hilangkan, tidak satu hutang pun yang tidak Engkau lunaskan, dan tidak satu keperluan pun daripada keperluan dunia dan akhirat yang Engkau redai melainkan Engkau kabulkan, wahai Tuhan yang Maha Penyayang.

Wahai Tuhan kami, terimalah daripada kami (amalan kami), sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.

Ampunilah kami, sesungguhnya Engkau lah Maha Penerima Taubat lagi Maha Penyayang.

Wahai Tuhan kami, ampunilah kami dan saudara-saudara kami yang telah mendahului kami dengan keimanan, dan janganlah Engkau jadikan dalam hati kami perasaan dendam terhadap orang-orang yang beriman. Wahai Tuhan kami, sesungguhnya Engkau Maha Lembut lagi Maha Penyayang.

Ya Allah, aku adalah hamba-Mu, anak hamba-Mu (lelaki dan perempuan). Ubun-ubunku ada di tangan-Mu, keputusan-Mu berlaku atasku, hukum-Mu adil kepadaku. Aku memohon kepada-Mu dengan setiap nama yang Engkau miliki, yang Engkau namakan diri-Mu dengannya, atau yang Engkau turunkan dalam kitab-Mu, atau yang Engkau rahsiakan dalam ilmu ghaib di sisi-Mu, agar Engkau jadikan al-Quran sebagai penyejuk hatiku, cahaya dadaku, pelipur laraku, dan penghilang kegelisahanku. Ya Allah, ajarkanlah aku apa yang aku tidak tahu, ingatkanlah aku dengan apa yang aku lupa, dan berikanlah aku rezeki untuk membacanya siang dan malam dengan cara yang Engkau redhai, dengan rahmat-Mu, wahai Yang Maha Penyayang.

Ya Allah, aku berlindung kepada-Mu daripada azab neraka Jahannam, daripada azab kubur, daripada fitnah Dajjal, daripada fitnah kehidupan dan kematian. Ya Allah, aku berlindung kepada-Mu daripada dosa dan hutang.



Ya Allah, ampunilah aku, tunjukilah aku, rezekikanlah aku, sihatkanlah aku, dan rahmatilah aku. Ya Allah, aku memohon kepada-Mu sebaik-baik permohonan, sebaik-baik doa, sebaik-baik kejayaan, sebaik-baik amalan, sebaik-baik ganjaran, sebaik-baik kehidupan, dan sebaik-baik kematian. Teguhkanlah aku, beratkanlah timbangan amalanku, sempurnakanlah keimananku, tinggikanlah darjatku, terimalah solatku, dan ampunilah kesalahanku. Aku memohon kepada-Mu darjat yang tinggi di syurga, amin.

Ya Allah, aku memohon kepada-Mu permulaan kebaikan, pengakhirannya, dan segala kebaikan yang menyeluruh, awalnya dan akhirnya, zahirnya dan batinnya, serta darjat yang tinggi di syurga, amin.

Ya Allah, aku memohon kepada-Mu agar Engkau angkat sebutanku, ringankan bebanku, perbaikilah urusanku, sucikanlah hatiku, peliharalah kehormatanku, cerahkanlah hatiku, ampunkanlah dosaku, dan aku memohon kepada-Mu darjat yang tinggi di syurga, amin.

Ya Allah, aku memohon kepada-Mu agar Engkau memberkati diriku, pendengaranku, penglihatanku, jiwaku, ciptaan-Mu pada diriku, akhlakku, keluargaku, kehidupanku, kematianku, dan amalan-amalanku. Terimalah amal kebbaikanku, dan aku memohon kepada-Mu darjat yang tinggi di syurga, amin.

Ya Allah, peliharalah aku dalam keadaan berdiri dengan Islam, dalam keadaan duduk dengan Islam, dan dalam keadaan berbaring dengan Islam. Jangan Engkau

jadikan musuh atau orang yang dengki bergembira atas penderitaanku.

Ya Allah, jauhkanlah antara aku dan dosa-dosaku sebagaimana Engkau jauhkan antara timur dan barat. Ya Allah, sucikanlah aku dari dosa-dosaku sebagaimana kain putih disucikan dari kotoran. Ya Allah, cucilah aku dari dosa-dosaku dengan salji, air, dan embun.

Ya Allah, Engkaulah Raja, tiada tuhan selain Engkau. Engkaulah Tuhanku dan aku adalah hamba-Mu. Aku telah menzalimi diriku dan mengakui dosaku, maka ampunilah semua dosaku. Tiada yang dapat mengampuni dosa kecuali Engkau. Tunjukkanlah aku kepada akhlak yang terbaik, kerana tiada yang dapat menunjukkannya kecuali Engkau. Jauhkanlah aku dari akhlak yang buruk, kerana tiada yang dapat menjauhkannya kecuali Engkau. Aku menyahut seruan-Mu dengan sepenuh hati. Segala kebaikan ada di tangan-Mu, dan keburukan tidak layak dikaitkan dengan-Mu. Aku hanya bergantung kepada-Mu dan kembali kepada-Mu. Maha Suci Engkau, Maha Tinggi Engkau. Aku memohon ampun dan bertaubat kepada-Mu.

Ya Allah, aku berlindung kepada-Mu daripada dikembalikan ke usia tua yang lemah, daripada sifat keras hati dan lalai, daripada kehinaan dan kemiskinan, serta daripada kekufuran, kefasikan, perpecahan, riya', dan ujub.

Ya Allah, aku berlindung kepada-Mu daripada kejahatan apa yang telah aku lakukan dan apa yang belum aku

lakukan, daripada kejahatan apa yang aku ketahui dan apa yang belum aku ketahui.

Ya Allah, aku berlindung kepada-Mu daripada kemusnahan, jatuh dari ketinggian, tenggelam, terbakar, dan tua yang lemah. Aku juga berlindung kepada-Mu daripada gangguan syaitan ketika menghadapi kematian, daripada mati terkena bisa, dan daripada nafsu serakah yang membawa kehinaan.

Ya Allah, aku memohon kepada-Mu keteguhan dalam urusan, tekad untuk mencapai petunjuk, rasa syukur atas nikmat-Mu, kebaikan dalam ibadah-Mu, hati yang suci, lidah yang jujur. Aku memohon kepada-Mu kebaikan yang Engkau ketahui, dan aku berlindung kepada-Mu dari keburukan yang Engkau ketahui. Aku memohon ampun atas segala yang Engkau ketahui, dan Engkaulah Yang Maha Mengetahui segala yang ghaib.

Ya Allah, ilhamkanlah aku petunjuk dan lindungilah aku dari kejahatan diriku. Wahai Yang Maha Hidup, Yang Maha Mengurus, tambahkanlah untukku dan jangan kurangkan aku, muliakanlah aku dan jangan hinakan aku, berilah aku dan jangan halang aku, utamakanlah aku dan jangan utamakan selain aku. Wahai Tuhan yang memiliki keagungan dan kemuliaan.

Ya Allah, aku memohon kepada-Mu rahmat dari sisi-Mu yang dapat memberikan petunjuk kepada hatiku, mengatur urusanku, mengumpulkan apa yang tercerai-berai dariku, menjaga apa yang ghaib dariku, meninggalkan

darjatku, memutihkan wajahku, menyucikan amalanku, mengilhamkan petunjuk kepadaku, menolak fitnah dariku, dan melindungiku daripada segala keburukan.

Ya Allah, aku memohon kepada-Mu kesihatan dalam keimanan, keimanan yang disertai akhlak yang baik, kejayaan yang diikuti oleh keberuntungan, rahmat dari-Mu, keselamatan dari-Mu, keampunan, dan keredaan-Mu.

Ya Allah, sesungguhnya Engkau mendengar ucapanku, melihat tempatku, dan mengetahui rahsia serta apa yang aku nyatakan. Tiada sesuatu pun dari urusanku yang tersembunyi daripada-Mu. Aku adalah hamba yang miskin, yang memohon pertolongan dan perlindungan kepada-Mu, dengan rasa takut dan cemas. Aku mengakui dosa-dosaku kepada-Mu. Aku memohon kepada-Mu dengan permohonan seorang yang miskin, aku merayu kepada-Mu dengan rayuan seorang pendosa yang hina, dan aku berdoa kepada-Mu dengan doa seorang yang takut dan buta, doa seorang yang tunduk kepada-Mu, tubuhnya merendah kepada-Mu, dan hidungnya berserah kepada-Mu. Maka, ya Allah, terimalah taubatku, bersihkan kesalahanku, kabulkan doaku, teguhkan hujahku, berikan petunjuk kepada hatiku, luruskan lidahku, dan hilangkan kebencian dari dadaku. Wahai Tuhan Yang Maha Penyayang.

Tiada Tuhan selain Engkau, Maha Suci Engkau, sesungguhnya aku adalah termasuk orang-orang yang zalim.

Wahai Tuhan kami, kepada-Mu kami bertawakal, kepada-Mu kami kembali, dan kepada-Mu kami menuju. Wahai Tuhan kami, janganlah Engkau jadikan kami fitnah bagi orang-orang kafir, dan ampunilah kami. Wahai Tuhan kami, sesungguhnya Engkau Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.

Maha Suci Tuhanmu, Tuhan yang memiliki keagungan, dari apa yang mereka sifatkan. Salam kepada para rasul, dan segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam.

Segala puji bagi Allah, pertama dan terakhir, dan selawat serta salam ke atas Nabi kami Muhammad, keluarga, dan sahabat-sahabatnya sekalian



Indeks

Mukadimah Jabatan	4
Mukadimah	6
Mawaqit dan Ihram	8
Peringatan	10
Rukun Umrah, Wajib Umrah, dan Sunat Umrah	11
Larangan Ihram	13
Jenis Larangan Ihram Berdasarkan Fidyah	15
Sifat Umrah	17
Doa-Doa Pilihan	22
Indeks	37



حجراتنا



رئاسة الشؤون الدينية
بالمسجد الحرام والمسجد النبوي